

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 30 JANUARI 2018 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Fenomena Super Blue Blood-Moon	Utusan Malaysia
2.	Perbicaraan kes bunuh Kim Jong Nam: Dr Raja akan dipanggil semula	Astro Awani
3.	Kim Chol jumpa perisik Amerika di Langkawi sebelum kematiannya	BERNAMA
4.	Dua lelaki ditahan bantu siasatan kenderaan pegawai kastam terbakar	BERNAMA
5.	Bekas pegawai kanan ICSU-ROAP disiasat	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 10  
TARIKH : 30 JANUARI 2018 (SELASA)**

## Fenomena Super Blue Blood-Moon



**ZAHARUDDIN  
MOHD. ALI**

*pengarang@utusan.com.my*

**E**SOK, penduduk di Malaysia khasnya dan rantaunya di Tenggara amnya bakal menyaksikan tiga fenomena ke atas bulan yang berlaku serentak. Kali terakhir gabungan ketiga-tiga fenomena ini terjadi - *Super Blue Blood-Moon* - ialah pada 31 Mac 1866, kira-kira 152 tahun lalu.

Fenomena yang disebut dalam bahasa Melayu sebagai gerhana bulan penuh akan bermula pada pukul 7.48 malam sehingga pukul 11.11 malam. Fasa gerhana penuh akan bermula dari pukul 8.51 malam sehingga kemuncaknya pada 9.29 malam dan tamat pada 10.07 malam.

Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan) Planetarium Negara, Mohd. Zamri Shah Mastor berkata, orang ramai tidak harus melepaskan kesempatan menyaksikan kejadian alam ini kerana fenomena seterusnya akan hanya berlaku sekali lagi kira-kira 10 tahun akan datang.

Ia terjadi apabila bulan terlindung oleh bayangan bumi, katanya, sambil menjelaskan, istilah *Super Blue Blood-Moon* adalah ungkapan masyarakat Barat yang mempunyai pelbagai gelaran terhadap bulan.

Bagi masyarakat Melayu, fenomena ini hanya diistilahkan sebagai gerhana bulan atau gerhana



**Bagi masyarakat Melayu, fenomena ini hanya diistilahkan sebagai gerhana bulan atau gerhana bulan penuh. Berbanding masyarakat Barat, gerhana bulan dikenali sebagai *Bloodmoon* kerana warna gerhana yang kemerahan."**



**FENOMENA** yang disebut dalam bahasa Melayu sebagai gerhana bulan penuh ini akan bermula pada pukul 7.48 malam sehingga pukul 11.11 malam esok.

bulan penuh. Berbanding masyarakat Barat, gerhana bulan dikenali sebagai *Bloodmoon* kerana warna gerhana yang kemerahan.

Pada malam itu juga, bulan turut dikenali sebagai *Bluemoon* kerana ia merupakan bulan penuh kali kedua pada Januari 2018. Bulan penuh kali pertama bulan ini ialah pada 2 Januari lalu. Bulan penuh yang kedua di dalam bulan yang sama dikenali sebagai *Bluemoon* menurut istilah bahasa Inggeris.



**MOHD. ZAMRI  
SHAH MASTOR**

"Ungkapan bahasa Inggeris *Once in a Bluemoon* boleh dirujuk kepada situasi ini di mana bulan penuh berlaku dua kali dalam sebulan. *Bluemoon* akan datang dijangka berlaku antara dua hingga tiga tahun lagi," kata Mohd. Zamri ketika dihubungi.

Selain itu, katanya, *Supermoon* pula ialah istilah bahasa Inggeris yang merujuk kepada kedudukan bulan penuh ketika ia berada pada titik paling hampir dengan bumi.

Pada malam sama, bulan akan berada pada jarak 360,000 kilometer daripada bumi atau pada kedudukan paling dekat dengan titik *perigee*, jelas beliau.

Menurut Mohd. Zamri, gabungan ketiga-tiga fenomena dienal sebagai *Super Blue Blood-Moon*.

Beliau juga menjelaskan, bulan tidak akan kelihatan berwarna kebiru-biruan pada malam itu kecuali jika pemandangan ke udara atau atmosfera tercemar dengan debu gunung berapi atau asap.

Sepanjang fenomena ini berlaku, katanya, tiada kesan langsung terhadap bumi. Sehubungan itu, orang ramai yang berminat menyaksikan fenomena alam ini boleh datang ke Planetarium Negara bermula pada pukul 6 petang, melawat galeri pameran yang ada sebelum sama-sama menyaksikan gerhana ini.

Planetarium akan menyediakan beberapa teleskop untuk kegunaan orang ramai yang mahu mencerap pergerakan bulan sepanjang fenomena itu berlaku.

Bagi yang berada di kawasan tanah tinggi atau tinggal di kawasan kondominium juga jika berada di tepi pantai, mereka harus melihat ke arah timur di mana gerhana bulan akan bermula pada pukul 7.48 malam pada kedudukan 6 derajah daripada ufuk.

Bagaimanapun, faktor cuaca yang tidak baik boleh mengganggu penglihatan, khususnya bagi yang menanti-nantikan fenomena ini.

## **Perbicaraan kes bunuh Kim Jong Nam: Dr Raja akan dipanggil semula**



Dr Raja akan disapina dan dijadual dipanggil semula di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 8 Februari depan. - Gambar AWANI / Shahir Omar

**SHAH ALAM:** Ketua Makmal Pusat Analisis Agen Kimia, Jabatan Kimia Malaysia Dr S. Raja akan dipanggil semula untuk menjawab beberapa soalan tambahan dalam perbicaraan kes bunuh warga Korea Utara, Kim Jong Nam.

Hakim, Datuk Azmi Ariffin berkata, Dr Raja akan disapina dan dijadual dipanggil semula di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 8 Februari depan.

Prosiding masuk hari ke-27 hari ini. Dr Raja merupakan saksi kelapan dalam perbicaraan kes bunuh Jong Nam.

Terdahulu, prosiding menyambung semula keterangan saksi ke-31 iaitu penyelia Keselamatan CCTV Gateway@klia2 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2), Syed Fakhruzzaman Mohd Mokhtar, 45 tahun.

Prosiding hari ini turut menyambung menyiarkan baki sebanyak 16 Cakera Video Digital (DVD) dan Cakera Video (CD) rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan 70 klip berkaitan kejadian bunuh Jong Nam.

Turut memberi keterangan, juruanalisa audio video Makmal Forensik PDRM Cheras, ASP Mohd Hanizan Mohd Rosly yang telah menganalisa lebih 580 keping gambar yang diambil dari DVD CCTV di KLIA 2.

Sebelum itu, suspek, warga Indonesia, Siti Aisyah, 26 tahun dan warga Vietnam, Doan Thi Huong, 29 tahun yang didakwa membunuh Jong Nam bersama-sama empat lagi individu yang masih bebas di Balai Berlepas, KLIA2 kira-kira pukul 9 pagi, 13 Februari tahun lalu tiba di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada pukul 8.20 pagi.

Pertuduhan terhadap kedua-dua wanita itu dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 30 JANUARI 2018 (SELASA)**



## **Kim Chol Jumpa Perisik Amerika Di Langkawi Sebelum Kematianya**

SHAH ALAM, 29 Jan (Bernama) -- Kim Chol atau Kim Jong-nam, abang pemimpin Korea Utara bertemu seorang perisik warga Amerika Syarikat, lima hari sebelum ditemui mati di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2).

Pegawai Penyiasat ASP Wan Azirul Nizam Che Wan Aziz, 40, berkata perjumpaan itu dilakukan di sebuah pangaspuri di Langkawi pada 9 Feb 2017, namun motif perjumpaan tidak dapat dipastikan.

Pertemuan itu dicadangkan peguam Gooi Soon Seng yang mewakili tertuduh warga Indonesia Siti Aisyah, 26, ketika menyoal balas Wan Azirul Nizam pada perbicaraan hari ke-27 kes Siti Aisyah dan Doan Thi Huong , 29, yang didakwa bersama-sama empat lelaki yang masih bebas membunuh Kim Chol, 45, di Balai Pelepasan Klia2 pada 9 pagi, 13 Feb tahun lalu.

Menjawab cadangan Gooi, saksi ke-9 itu bersetuju bahawa terdapat pertemuan di antara Kim Chol dengan seorang lelaki, namun polis sehingga kini tidak dapat memastikan identiti lelaki itu, sama ada beliau seorang perisik atau sebaliknya.

Ditanya sama ada lelaki itu masuk ke negara ini pada 6 Feb 2017 iaitu pada hari sama Kim Chol datang ke Malaysia dan pihak polis mengetahui mengenai kehadiran warga Amerika itu, saksi itu menjawab "tidak bersetuju".

Bagaimanapun, Wan Azirul Nizam berkata, beliau mengarahkan pegawainya pergi ke Langkawi untuk menjalankan siasatan berhubung pertemuan itu, tetapi siasatan tidak dapat memastikan bentuk perbincangan di antara mereka.

Saksi itu bersetuju dengan cadangan peguam itu bahawa siasatan polis di Langkawi adalah untuk mengetahui mengenai motif pembunuhan Kim Chol.

Bagaimanapun, beliau menafikan cadangan Gooi bahawa pihak polis menyembunyikan maklumat daripada mahkamah berhubung pertemuan berkenaan.

"Saya memerlukan masa untuk menyemak diari siasatan sebelum dikemukakan di mahkamah," katanya.

Kim Chol yang pulang ke Kuala Lumpur pada 12 Feb 2017, ditemui mati keesokan hari selepas didakwa disapu dengan racun agen saraf VX di Balai Pelepasan klia2.

Terdahulu, Hakim Datuk Azmi Ariffin membenarkan permohonan Gooi untuk memanggil semula saksi pendakwaan kelapan iaitu **ketua Makmal Pusat Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia Dr S.Raja**, 43, untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu.

Peguam berkenaan membuat permohonan itu mengikut Seksyen 425 Kanun Tatacara Jenayah atas alasan terdapat beberapa soalan tambahan yang perlu ditanya kepada saksi berkenaan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azmi bersambung esok.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 30 JANUARI 2018 (SELASA)**



## **Dua Lelaki Ditahan Bantu Siasatan Kenderaan Pegawai Kastam Terbakar**

Dalam kejadian kira-kira 3.30 pagi itu, empat kenderaan milik keluarga seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam terbakar di hadapan rumah kuarters yang didiaminya dipercayai perbuatan khianat.

Kejadian tersebut turut mengakibatkan bahagian hadapan rumahnya hampir musnah akibat api merebak daripada kenderaan yang terbakar.

Dalam perkembangan kes lain, Mazlan berkata pihaknya sudah mengambil sampel asid deosiribonukleik (DNA) daripada 31 individu bagi membantu siasatan kes remaja lelaki maut selepas sebuah kerusi yang dilemparkan dari tingkat atas menghempap kepalanya di Blok 102 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai, Pantai Dalam di sini.

Beliau berkata pihaknya masih menunggu keputusan daripada Jabatan Kimia untuk tindakan lanjut.

"Kita menyeru mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian berkenaan supaya tampil membantu agar siasatan dapat diselesaikan dengan segera," katanya.

Pada 15 Jan lepas, S. Sathiswaran, 15, maut di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala dalam kejadian kira-kira 8.10 malam itu.

Dalam kejadian kira-kira 3.30 pagi itu, empat kenderaan milik keluarga seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam terbakar di hadapan rumah kuarters yang didiaminya dipercayai perbuatan khianat.

Kejadian tersebut turut mengakibatkan bahagian hadapan rumahnya hampir musnah akibat api merebak daripada kenderaan yang terbakar.

Dalam perkembangan kes lain, Mazlan berkata pihaknya sudah mengambil sampel asid deosiribonukleik (DNA) daripada 31 individu bagi membantu siasatan kes remaja lelaki maut selepas sebuah kerusi yang dilemparkan dari tingkat atas menghempap kepalanya di Blok 102 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai, Pantai Dalam di sini.

Beliau berkata pihaknya masih menunggu keputusan daripada Jabatan Kimia untuk tindakan lanjut.

Kita menyeru mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian berkenaan supaya tampil membantu agar siasatan dapat diselesaikan dengan segera, katanya.

Pada 15 Jan lepas, S. Sathiswaran, 15, maut di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala dalam kejadian kira-kira 8.10 malam itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN : MUKA SURAT 12  
TARIKH : 30 JANUARI 2018 (SELASA)**

## **Bekas pegawai kanan ICSU-ROAP disiasat kes seleweng dana**

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bekas pegawai kanan International Council for Scientific Union Regional Office for Asia Pacific (ICSU-ROAP) yang beroperasi di bawah Akademi Sains Malaysia (ASM) berhubung salah guna kuasa dan penyelewengan dana.

Siasatan SPRM menjurus kepada penyeleweng dana sehingga mencecah RM3 juta sejak 2012 hingga 2017.

Sumber berkata, bekas pegawai berusia 44 tahun itu didapati memalsukan tandatangan untuk mendapatkan kelulusan ASM untuk menjalankan program anjuran ICSU-ROAP yang diuruskan olehnya.

Difahamkan, suspek yang dilantik secara kontrak sejak tahun 2008 itu bersubhat dengan rakananya, iaitu seorang awam bagi menyeleweng dana.

Rakananya yang berusia 57 tahun turut ditahan bersama suspek di sebuah kondominium di ibu negara dalam operasi pada jam 10 pagi semalam.

"Siasatan awal juga mendapati rakanya itu menyamar sebagai ahli sains dengan menggunakan gelaran sebagai seorang profesor dari sebuah universiti tempatan yang kononnya mewakili negara ke program yang diadakan di luar negara anjuran ICSU-ROAP.

"Difahamkan, bekas pegawai kanan itu sememangnya bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan kewangan ICSU-ROAP.

"Suspek juga dipercayai memalsukan tandatangan pegawai atasannya di dokumen tuntutan bagi pelaksanaan program itu," katanya.

Sumber itu berkata pegawai itu turut disyaki menyeleweng wang dana berkaitan pelaksanaan 73 program dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh ICSU-ROAP.

### **Kemuka invois palsu**

"Suspek didapati mengemukakan invois, bil hotel, tiket penerbangan dan dokumen lain yang disyaki palsu bagi menyokong perbelanjaan program sedangkan ada setengah perbelanjaan tidak wujud dan ia bertujuan mendapatkan semula duit itu dengan menyalurkan ke akaun peribadi beliau," katanya.

Selain itu, suspek juga didapati mengadakan kewujudan seorang akauntan ASM palsu kononnya untuk memberarkan bayaran lebihan seperti hotel dan tiket penerbangan itu dikembalikan dan dimasukkan ke akaun peribadi.

BH difahamkan, dana untuk ICSU-ROAP disalurkan daripada ICSU-Paris sebanyak 75 juta euro (RM361 juta) dan RM1 juta dana Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI) kepada ASM setiap tahun.

Pengarah Kanan Jabatan Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Katanya kes kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Suspek dijangka direman di Mahkamah Majistret Putrajaya esok untuk permohonan reman.